

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN "SUMBANGAN ISLAM KE ARAH PENCAPAIAN
MATLAMAT WAWASAN 2020"
Lokasi : DEWAN PERSIDANGAN THE PUTERI PAN PACIFIC HOTEL JOHOR BAHRU
Tarikh : 13-02-1993

Umat Islam memainkan peranan yang penting dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 sekiranya mereka memahami dan mempraktikkan amalan-amalan Islam yang sebenarnya. Salah tafsiran akan mengakibatkan amalan yang jumud, sempit dan menjejaskan citra Islam di kalangan masyarakat bukan Islam.

Oleh itu, berdasarkan kepada hakikat ini IKIM adalah bertanggungjawab untuk menjalankan kajian-kajian penyelidikan dalam pelbagai aspek ajaran Islam dan perbandingan dengan agama-agama lain di Malaysia.

Seterusnya hasil-hasil kajian berkenaan akan disampaikan ke pengetahuan orang ramai.

Terlebih dahulu, saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala oleh kerana di atas kurniaan dan nikmatnya dapat kita berkumpul untuk memulakan Konvensyen yang bertema "Sumbangan Islam Ke Arah Pencapaian Matlamat Wawasan 2020". Saya suka merakamkan berbilang-bersang terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim, Persatuan Pegawai Tadbir Negeri Johor dan Persatuan Pegawai Tadbir Agama Islam Negeri Johor di atas kesudian mereka menjemput IKIM untuk bekerjasama menganjurkan konvensyen ini.

Salah satu sebab kelemahan umat Islam adalah berpunca daripada masalah pentafsiran mereka terhadap ajaran Islam. Salahfaham dan pentafsiran yang sempit orang-orang Islam terhadap ajaran Islam telah mengakibatkan kelahiran golongan orang-orang Islam yang menumpukan perhatian kepada akhirat semata-mata. Dunia ini bagi mereka adalah untuk orang-orang bukan Islam. Ajaran Islam tidak pernah samasekali mendorong penganutnya untuk menumpukan perhatian supaya membuat amalan ibadat semata-mata untuk mati dan hari akhirat, kerana pandangan dan sikap seperti itu akan membuat manusia bukan sahaja lupa tentang tanggungjawab mereka di atas dunia ini malahan akan menjadikan mereka lemah. Dan apabila mereka lemah mereka dengan mudahnya akan ketinggalan dalam berbagai bidang. Masyarakat Islam yang lemah kedudukannya dengan sendirinya akan memperlihatkan bahawa seolah-olah Islam itu sendiri mendorong ke arah kelemahan dan kemunduran. Dengan itu, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab setiap umat Islam untuk berdiri teguh dan berazam untuk melahirkan satu masyarakat Islam yang kuat dalam berbagai bidang. Di samping kuat keimanan dan beramal untuk memohon keredhaan Allah Subhanahuwataala, umat Islam hendaklah mempunyai tekad untuk mencapai kecemerlangan dalam semua bidang fardhu kifayah seperti kedokteran, keusahawanan, teknologi, perdagangan dan penyelidikan. Sekiranya kita dapat membuktikan bahawa Islam itu merupakan satu agama yang progresif dan mempelopori ke arah kejayaan dan kecemerlangan di dunia dan akhirat, maka barulah agama Islam itu akan dihormati dan disegani oleh masyarakat.

IKIM akan menjalankan kajian-kajian mengenai agama Islam, sejarah dan tamadun Islam dan asas-asas pencapaian umat Islam di zaman dahulu. Kajian yang hendak dibuat adalah berpandukan kepada perasaan yang ikhlas dan tidak dipengaruhi oleh sentimen dan bias seperti yang terdapat di beberapa kalangan umat Islam sekarang. Institut Kefahaman Islam akan juga mengkaji semula dengan teliti tafsiran-tafsiran yang berbeza-beza dan mengeliru serta melemahkan orang Islam supaya dapat diperbetulkan. Sebagai salah sebuah organisasi penyelidikan, IKIM sedang melaksanakan beberapa program untuk memberikan kesedaran dan kefahaman terhadap umat Islam dan juga bukan Islam mengenai berbagai perkara yang menyentuh kehidupan dan kemajuan antaranya mengenai Islam dan Toleransi, Keadilan dalam Islam, Pemerintahan dalam masyarakat majmuk, Kemiskinan, Islam dan Perindustrian, dan "Islam dan Produktiviti".

Perkhidmatan awam kita hendaklah dipupuk sehingga boleh muncul sebagai salah satu yang terbilang di dalam dunia. Banyak peraturan-peraturan dan prosidur baru mengenai pengurusan telah diperkenalkan. Biar pun demikian, yang sama penting adalah sikap dan nilai pegawai-pegawai perkhidmatan awam

sendiri. Antara nilai- nilai utama yang perlu diamalkan oleh semua pegawai-pegawai perkhidmatan awam adalah amanah, kerajinan dan ketekunan, berdisiplin dan tatasetia. Kita hendaklah mengaggap bahawa kerja itu adalah sebagai ibadah dengan menghasilkan sesuatu yang berfaedah, dan tidak mengaggap kerja itu sebagai satu bebanan dan hanya menunggu arahan. Pegawai-pegawai Kerajaan daripada semua kaum hendaklah senantiasa mengamalkan kepimpinan melalui teladan. Rasulullah (S.A.W) pernah bersabda: "Sebaik-baik kamu ialah orang yang paling berfaedah kepada orang lain." Ketua Jabatan yang baik itu adalah seorang yang akan mempengaruhi anggota- anggota Jabatannya samada dari segi kepimpinan, akhlak, tutur kata atau tingkah lakunya yang mendatangkan kebaikan kepada orang- orang yang dipimpinnya. Seorang Ketua Jabatan yang melanggar peraturan dan perintah adalah menunjukkan contoh yang tidak baik kepada pegawai-pegawai bawahannya.

Selain daripada membina kefahaman tentang nilai-nilai Islam berkaitan dengan pembangunan di kalangan para peserta, adalah menjadi harapan saya agar konvensyen ini dapat mencetuskan idea- idea dan percambahan pemikiran-pemikiran yang positif yang dapat menyumbang untuk usaha-usaha di dalam menghadapi cabaran wawasan 2020. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.A.B. Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin di atas kesudiannya memberikan kerjasama untuk menjayakan konvensyen ini. Adalah menjadi harapan saya kerjasama seperti ini akan berkekalan untuk berbagai-bagai program lain di masa akan datang.